

Pusat pemuliharaan dadah islamik

Menangani masalah dadah di negeri Terengganu

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS

Kerajaan negeri dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) menubuhkan Pusat Komuniti Sa'adah iaitu pusat perawatan dan pemuliharaan dadah secara Islamik.

Pusat itu beroperasi di bangunan milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu di Rimba Square, Gong Badak, di sini. Naib Canselor UniZA,

Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, matlamat utama pusat itu ditubuhkan bagi menangani permasalahan penagihan dadah di Terengganu secara menyeluruh.

Menurutnya, premis berkenaan diserahkan kepada Pejabat Waqaf dan Infaq UniZA dan akan diuruskan Pusat Penyelidikan dan Rawatan Ketagihan (Centrena).

"Pusat komuniti itu akan memperkenalkan konsep baharu yang menggabungkan kaedah biologi, psikologi, spiritual dan sosiologi untuk diterapkan secara langsung dalam komuniti, klien dan penagih.

"Jadi kita harap dengan adanya pusat ini dapat memberi kesan positif dalam merangka kelestarian perawatan



Ahmad Razif (dua, kiri) menyerahkan replika cek bantuan kepada Ahmad Zubaidi (dua, kanan) pada majlis itu.

dan menjadi pusat sehati yang kondusif bagi rawatan berkaitan penagihan dadah terutamanya daripada aspek psiko spiritual dan perubatan

moderi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang media sebaik selesai pelancaran pusat komuniti itu.

Majlis perasmian disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman.

Menurut Ahmad Zubaidi

info

Pusat komuniti itu akan memperkenalkan konsep baharu yang menggabungkan kaedah biologi, psikologi, spiritual dan sosiologi untuk diterapkan segera langsung dalam komuniti, klien dan penagih.

lagi, pusat yang telah melakukan operasi itu diketuai Ketua Penyelidik Centrena UniZA, Prof Dr Nasir Mohamad itu turut dibantu oleh pelbagai pihak termasuk sukarelawan.

Ketika ini seramai 60 penagih menyertai program perintis itu dalam usaha untuk mengekang gejala penagihan dadah di seluruh negeri ini.